



Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Drug Control Authority
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : (52) dlm.BPFK/02/5/1.3
Tarikh : 28 NOV 2005

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN

Tuan,

MUATKAN KENYATAAN 'DERIVED FROM SEAFOOD' PADA LABEL PRODUK JIKA BAHAN AKTIF ADALAH DARI SUMBER LAUT

Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada keputusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke 175 yang telah diadakan pada 27hb. Oktober 2005 mengenai perkara di atas.

2. PBKD telah bersetuju bahawa kenyataan berikut wajib dimuatkan pada label dan sisip bungkus (jika ada) bagi produk yang mengandungi bahan aktif yang diperolehi dari sumber laut dimana nama produk/ bahan aktif tidak menunjukkan dengan jelas yang mana sumbernya adalah dari laut seperti chitosan, glucosamine dan sebagainya.

- "DERIVED FROM SEAFOOD".

3. Ini bertujuan untuk mengelakkan pengambilan produk yang berkenaan dikalangan pengguna yang alergic terhadap makanan laut dan mengurangkan potensi kesan advers kepada pengguna.


4. Walau bagaimanapun kenyataan ini tidak diwajibkan bagi produk yang mengandungi bahan seperti 'fish oil', 'shark cartilage' dan sebagainya yang mana jelas sumbernya adalah daripada bahan laut.

5. Pemegang pendaftaran produk adalah diminta mematuhi arahan ini dalam tempoh 6 bulan dari tarikh keputusan Mesyuarat PBKD dibuat.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
" UTAMAKAN KUALITI, EFIKASI DAN KESELAMATAN "

Saya yang menurut perintah,


(EISAH BT. A. RAHMAN)

Setiausaha
Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Kementerian Kesihatan Malaysia.

- s.k.
1. Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Bhg. Farmasi, KKM.
 2. Ketua Pusat Pembangunan Organisasi (PPO), BPFK
 3. Ketua Pusat Pasca Pendaftaran Produk (PPPP), BPFK
 4. PhAMA
 5. MOPI
 6. Presiden, Persatuan Pengeluar Ubat Tradisional Melayu Malaysia (PURBATAMA)
 7. Presiden, Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia
 8. Presiden, Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM)
 9. Presiden, Federation of Chinese Physicians & Medicine Dealers Association Malaysia (FCPMDAM)
 10. Presiden, Persatuan Pengeluar Ubat Cina Malaysia